



Ruj Kami : JPNP.SPMd.600-3/5/2Jld.9(32)

Tarikh : 24 Mei 2022

23 Syawal1443H

ENCIK KAMARUDDIN KASSIM

Pengarah

Bahagian *Commercial and Experience*

Petrosains The Discovery Centre

Tingkat 4, Suria KLCC

Menara Berkembar Petronas,

50088 Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM
'PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2022' BAGI SEKOLAH-SEKOLAH PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat PSB/PRG/PDMP/43.2.1/22/018 bertarikh 13 Mei 2022 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah meneliti permohonan tuan berkaitan penganjuran program pertandingan berkenaan dan sentiasa mengalu-alukan inisiatif pihak agensi kerajaan atau agensi bukan kerajaan dalam memartabatkan pendidikan di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang **tiada halangan** untuk menyokong dan memberi kebenaran bagi penganjuran **Program Petrosains RBTX Challenge 2022** seperti permohonan pihak tuan.

4. Walau bagaimanapun pihak tuan adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2018** – Ruj.KPM.100-1/7/2Jld.5(33) bertarikh 7 Jun 2018 – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia serta **Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum, KPM** berkaitan langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19. Justeru itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi perkara-perkara berikut :

- 4.1 Mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Guru Besar / Pengetua sekolah terlibat;
- 4.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah **tidak mengganggu atau menjejaskan** proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

- 4.4 Pihak sekolah tidak boleh dipaksa untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;
- 4.5 Penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 4.6 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan;
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada pendaftar.
- 4.8 Jabatan Pendidikan Negeri Pahang berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa;

5. Untuk makluman tuan, kelulusan ini hanya sah untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **30 September 2022**. Pihak tuan adalah dipohon untuk mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program-program berkenaan. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas, hubungi pegawai berurusan di Unit Pembangunan Bakat Murid, **Encik Arman Bin Mohamad Tojid** di talian **09-5715895 / 014-8123111**.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



YUSOF BIN KASSIM

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

- sk :
- Pengarah Pendidikan Pahang
 - Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
 - Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Bakat Murid)
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
 - Fail Timbul